



***LAKUAN BAHASA DALAM FILEM MELAYU TERPILIH***

**AMINNUDIN BIN SAIMON**

**FBMK 2019 19**



**LAKUAN BAHASA DALAM FILEM MELAYU TERPILIH**

Oleh

**AMINNUDIN BIN SAIMON**

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

**April 2019**

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



## DEDIKASI

**KEPADA;**

**ARWAH AYAHKU SAIMON BIN HARON YANG TIDAK SEMPAT MELIHAT KEJAYAANKU INI, KEJAYAAN YANG DIRAIH PADA HARI INI ADALAH UNTUKMU. TERIMA KASHI ATAS SEGALA DORONGAN DAN SEMANGAT YANG DIBERIKAN.**

**BONDAKU, HASLINAH BTE SUPA'AT**

**KASHI SAYANG DAN PENGORBANANMU MEMBERIKAN AKU KEKUATAN DALAM MERAH KEJAYAAN INI.**

**ABANGKU, SAIFUL BAHRI DAN KELUARGA, NOOR AZIZAH DAN KELUARGA, SERTA ADIKKU NORFARAHIN. SEGALA GALAKAN DAN DOA KALIAN MENJADI INSPIRASI DAN PERANGSANG UNTUK KEJAYAAN INI.**

**KEPADA KAWAN SEPERJUANGANKU, SAHABAT HANDAI YANG SENTIASA MENYOKONG SEGALA USAHAKU INI, HANYA TUHAN YANG DAPAT MEMBALASNYA.**

**SERTA PENYELIAKU YANG AMAT BUDIMAN.**

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

## LAKUAN BAHASA DALAM FILEM MELAYU TERPILIH

Oleh

**AMINNUDIN BIN SAIMON**

**April 2019**

**Pengerusi: Profesor Madya Zaitul Azma Zainon Hamzah, PhD**  
**Fakulti: Bahasa Moden dan Komunikasi**

Lakuan bahasa merupakan hubungan dua hala antara penutur dengan pendengar yang memperlihatkan ujaran penutur dalam menyatakan sesuatu dapat difahami oleh pendengar dan pendengar bertindak balas terhadap ujaran penutur. Dalam kajian ini, masalah yang timbul ialah aspek lakuan bahasa dilihat sukar untuk ditentukan penggunaannya, terutamanya pengkategorian lakuan bahasa. Hal ini demikian kerana mesej yang hendak disampaikan melalui lakuan bahasa yang ingin ditonjolkan dalam budaya Melayu daripada filem sukar ditentukan penggunaannya kerana kekurangan pemahaman dan kekeliruan terhadap lakuan bahasa. Penyelidik menyenaraikan tiga objektif kajian yang utama, iaitu mengenal pasti aspek lakuan bahasa dalam filem Melayu terpilih, menganalisis aspek lakuan bahasa menggunakan teori lakuan bahasa Searle (1969) dan merumus aspek lakuan bahasa dalam memancarkan akal budi bangsa Melayu dalam filem Melayu terpilih. Data penyelidikan diperolehi daripada empat buah filem Melayu klasik, iaitu filem *Semerah Padi* (1956), filem *Hang Jebat* (1961), filem *Seri Mersing* (1961) dan filem *Lancang Kuning* (1962).

Kaedah yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah menggunakan kaedah analisis kandungan. Kaedah ini dipilih kerana setiap ujaran akan diteliti mengenai kandungannya yang mengandungi lakuan bahasa dan seterusnya dikategorikan mengikut teori lakuan bahasa Searle (1969). Hasil penyelidikan mendapati bahawa sebanyak 1391 lakuan bahasa yang terdapat dalam ujaran yang digunakan pada keempat-empat buah filem. Sebanyak 370 lakuan bahasa daripada FLK, 277 lakuan bahasa daripada FHJ, 496 lakuan bahasa daripada FSM dan 248 lakuan bahasa daripada FSP. Daripada jumlah tersebut, lakuan bahasa asertif merupakan lakuan yang paling dominan, iaitu sebanyak 671 kekerapan, diikuti oleh lakuan direktif sebanyak 442 kekerapan dan lakuan ketiga yang paling kerap ialah lakuan ekspresif sebanyak 176. Lakuan komisif dan deklaratif merupakan lakuan yang kurang kerap digunakan, iaitu sebanyak 96 dan 6 kekerapan. Penggunaan teori pragmatik, iaitu Teori Lakuan Bahasa (Searle, 1969) dilihat amat berwibawa dalam merungkai

makna hajat komunikatif penutur, diinterpretasi dan difahami oleh pendengar, seterusnya pendengar bertindak terhadap hajat komunikatif penutur. Hasil analisis data mendapati bahawa lakuan bahasa dapat memberikan satu input dalam komunikasi, iaitu hubungan yang saling memahami. Setiap ujaran penutur dapat difahami oleh pendengar melalui lakuan bahasa. Selain itu, akal budi seseorang terpancar melalui ujaran yang diujarkan dalam menyatakan sesuatu perkara. Akal budi seseorang juga dapat dilihat melalui aspek lakuan bahasa yang digunakan.



Abstract thesis submitted to the Senate of University Putra Malaysia in fulfillment  
of the requirements for the Degree Doctor of Philosophy

## **SPEECH ACTS IN THE MALAY SELECTED MOVIE**

By

**AMINNUDIN BIN SAIMON**

**April 2019**

**Chairman: Associate Professor Zaitul Azma Zainon Hamzah, PhD**  
**Faculty: Modern Languages and Communications**

Speech acts is a two-way relationship between speakers and listeners that demonstrates how the speaker expresses something that the listener can understand and the listener responds to what the speaker is saying. In this study, the problem was that the aspect of speech acts was difficult to determine, especially the categorization of speech acts. This is because the message that is to be conveyed through the language arts that is to be highlighted in Malay culture from the film is difficult to determine because of its lack of understanding and confusion about the language. Researchers listed three main objectives of the study, namely identifying aspects of speech acts in selected Malay films, analyzing speech acts using Searle's (1969) speech acts theory and formulating aspects of speech acts in transmitting Malay 'akal budi' in selected Malay films. The research data were obtained from four classic Malay films, namely *Semerah Padi* (1956), *Hang Jebat* (1961), *Seri Mersing* (1961) and *Lancang Kuning* (1962).

Content analysis was chosen in this research. This content analysis are chosen because every single speech in the film containing speech acts. In that case, speech acts will separated to the other parts in Searle's speech acts theory (1969). The results showed that a total of 1391 speech acts were included in the four films used. 370 speech acts from FLK, 277 speech acts from FHJ, 496 speech acts from FSM and 248 speech acts from FSP. Of these, the assertive speech acts was the most dominant, 671, followed by the directive of 442 and the third most frequent is expressive speech acts of 176. Commissive and declarative speech acts are the least frequently used, with 96 and 6 frequency. The use of the pragmatic theory, the speech acts theory (Searle, 1969), was seen to be very effective in unraveling the meanings of communicative intent of the speaker, interpreted and understood by the listener, thus listening to the communicative intent of the speaker. Data analysis results show that language can provide one input in communication, that is, mutual understanding. Every speaker can be understood by the audience through the speech acts. In addition, a person's intellectual is transmitted through the words that

are spoken in expressing something. A person's sense of well-being can also be seen through the speech acts used.



© COPYRIGHT UPM



## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Bersyukur ke hadrat ilahi dengan limpah kurnia-Nya saya dapat menyempurnakan tesis ini dengan baik.

Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Zaitul Azma Binti Zainon Hamzah selaku pengerusi jawatankuasa penyeliaan, Prof. Madya Dr. Ahmad Mahmood Bin Musanif dan Dr. Nor Azuwan Binti Yaakob selaku ahli jawatankuasa penyeliaan tesis saya yang banyak memberikan idea, fikiran, tunjuk ajar, bimbingan, pandangan, teguran kepada saya dalam menyempurnakan penulisan tesis ini. Tidak lupa juga kepada pensyarah-pensyarah lain yang banyak memberikan semangat, sokongan, pertolongan dan dorongan dalam memberikan ilmu untuk membolehkan saya menyiapkan tesis ini. Kepada sahabat-sahabat saya yang banyak memberikan tunjuk ajar, semangat, memberi pertolongan dari segi material ataupun ilmu, jasamu tetap dikenang. Tidak lupa juga kepada pustakawan Perpustakaan Sultan Abdul Samad, UPM yang banyak memberikan panduan dan bantuan dari segi pemerolehan bahan ilmu, hanya Allah dapat membalasnya.

Akhir kata, segala yang baik datangnya daripada Allah dan segala kekurangan datangnya daripada diri saya sendiri sebagai hamba-Nya yang lemah dan serba kekurangan.

Wassalam.

**Aminnudin Bin Saimon**  
**FBMK, UPM**

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Aminnudin Bin Saimon bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Lakuan Bahasa dalam Filem Melayu Terpilih” mengikut akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi Ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Arba'ie Sujud, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Norazlina Haji Mohd. Kiram, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Kamariah Kamaruddin, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Maslida Yusof, PhD**

Profesor Madya  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Malaysia  
(Pemeriksa Luar)

---

**ROBIAH BINTI YUNUS, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 10 Oktober 2019

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Zaitul Azma Zainon Hamzah, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Nor Azuwan Yaakob, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Ahmad Mahmood Musanif, PhD**

Professor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**ROBIAH BINTI YUNUS, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- Tesis ini ialah hasil kerja saya yang asli;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini untuk Ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- Hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Cancellor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuklah buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini dan integrity ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: Aminnudin Bin Saimon, GS 43635

## Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Pengerusi  
Jawatankuasa  
Penyeliaan: Profesor Madya Dr. Zaitul Azma Zainon Hamzah

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan: Dr. Nor Azuwan Yaakob

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan: Profesor Madya Dr. Ahmad Mahmood Musanif

## SENARAI KANDUNGAN

	Muka surat
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>PENGESAHAN</b>	vi
<b>PERAKUAN</b>	viii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xv
<b>SENARAI CARTA PAI</b>	xvi

### Bab

<b>1</b>	<b>Pengenalan</b>	
	Latar Belakang Kajian	1
	Penyataan Masalah	4
	Objektif Kajian	6
	Persoalan Kajian	6
	Kepentingan Kajian	7
	Batasan Kajian	8
	Definisi Operasional	9
	Lakuan Bahasa	9
	Filem	10
	Rumusan	10
<b>2</b>	<b>SOROTAN LITERATUR</b>	
	Pengenalan	11
	Lakuan Bahasa Sepintas Lalu	11
	Kajian mengenai Lakuan Bahasa	15
	Kajian berkaitan Filem dari Pelbagai Disiplin	23
	Perkaitan Kajian Lepas dengan Kajian yang Dijalankan	29
	Rumusan	29
<b>3</b>	<b>METODOLOGI</b>	
	Pengenalan	31
	Reka Bentuk Kajian	31
	Kerangka Teori	32
	Teori Lakuan Bahasa	32
	Kerangka Konseptual	34
	Kaedah Kajian	35
	Kajian Analisis Kandungan	35
	Bahan Kajian	36
	Rasional Pemilihan Bahan Kajian	36
	Prosedur Kajian	37
	Penganalisan Data	37
	Pertimbangan Etika	38
	Rumusan	39

<b>4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	
	Pengenalan	41
	Lakuan Bahasa dalam Filem Melayu Terpilih	42
	Lakuan Bahasa menggunakan Teori Lakuan Bahasa Searle (1969)	48
	Lakuan Bahasa Direktif	53
	Pertanyaan	54
	Permintaan	58
	Permisif	62
	Arahan	64
	Nasihat	67
	Lakuan Bahasa Asertif	68
	Makluman	70
	Penyataan	75
	Laporan	80
	Perdebatan	85
	Pengakuan	86
	Lakuan Bahasa Ekspresif	88
	Penerimaan	89
	Pengesahan	92
	Sapaan	96
	Permohonan Maaf	97
	Terima Kasih	99
	Simpati	101
	Lakuan Bahasa Komisif	102
	Penolakan	103
	Perjanjian	109
	Penawaran	112
	Lakuan Deklaratif	113
	Menjatuhkan Hukuman	114
	Pengisytiharan	115
	Lakuan Bahasa dalam Memancarkan Akal Budi	116
	Rasional Teori dan Implikasi Kajian	122
	Rumusan	123
<b>5</b>	<b>KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	
	Pendahuluan	125
	Cadangan kajian selanjutnya	127
	Penutup	128
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	129
	<b>LAMPIRAN</b>	147
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	207
	<b>SENARAI PENERBITAN</b>	208

## SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1	Pengkategorian Lakuan Bahasa Bach & Harnish (Bach & Harnish, 1979)	14
2	Kerangka Konseptual	34





## SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1	Jumlah Keseluruhan Lakuan Bahasa dalam Filem Melayu	42
2	Asertif dalam FSM	42
3	Asertif dalam FHJ	42
4	Asertif dalam FSP	43
5	Asertif dalam FLK	43
6	Direktif dalam Filem FSM	44
7	Direktif dalam Filem FHJ	44
8	Direktif dalam Filem FSP	45
9	Direktif dalam Filem FLK	45
10	Ekspresif dalam Filem FSM	45
11	Ekspresif dalam Filem FHJ	45
12	Ekspresif dalam Filem FSP	46
13	Ekspresif dalam Filem FLK	46
14	Komisif dalam Filem FSM	46
15	Komisif dalam Filem FHJ	46
16	Komisif dalam Filem FSP	47
17	Komisif dalam Filem FLK	47
18	Deklaratif dalam Filem FSP	47
19	Direktif Pertanyaan	55
20	Direktif Pertanyaan	56
21	Direktif Pertanyaan	57
22	Direktif Permintaan	59
23	Direktif Permintaan Tidak Langsung	60
24	Direktif Permintaan Tidak Langsung	60
25	Direktif Permisif	62
26	Direktif Arahan	64
27	Direktif Arahan	66
28	Direktif Nasihat	67
29	Asertif Makluman	70
30	Asertif Makluman	71
31	Asertif Makluman	72
32	Asertif Makluman	74
33	Asertif Penyataan	75
34	Asertif Penyataan	77
35	Asertif Penyataan	78
36	Asertif Laporan	80
37	Asertif Laporan	81
38	Asertif Laporan	82
39	Asertif Perdebatan	85
40	Asertif Pengakuan	86
41	Ekspresif Penerimaan	89
42	Ekspresif Penerimaan	89
43	Ekspresif Penerimaan	90
44	Ekspresif Penerimaan	91
45	Ekspresif Pengesahan	92
46	Ekspresif Pengesahan	93

47	Ekspresif Pengesahan	94
48	Ekspresif Pengesahan	95
49	Ekspresif Sapaan	96
50	Ekspresif Permohonan Maaf	98
51	Ekspresif Terima Kasih	100
52	Ekspresif Simpati	101
53	Komisif Penolakan Langsung	104
54	Klasifikasi Lakuan Menolak Berdasarkan Beebe et al (1990)	105
55	Komisif Penolakan Tidak Langsung	107
56	Komisif Perjanjian	110
57	Komisif Penawaran	112
58	Deklaratif Menjatuhkan Hukuman	114
59	Deklaratif Pengisytiharan	116
60	Akal Budi dalam Lakuan Bahasa	118
61	Akal Budi dalam Lakuan Bahasa	120



## SENARAI SINGKATAN

FSM	Filem Seri Mersing
FHJ	Filem Hang Jebat
FSP	Filem Semerah Padi
FLK	Filem Lancang Kuning



## SENARAI CARTA PAI

<b>Carta Pai</b>		<b>Muka Surat</b>
1	Jumlah Keseluruhan Lakuan Bahasa dalam Filem Melayu Terpilih	41
2	Jumlah Keseluruhan Lakuan Bahasa dalam Filem	48
3	Kekerapan Lakuan Bahasa dalam Filem	49
4	Lakuan bahasa dalam FSM	50
5	Lakuan bahasa dalam FHJ	51
6	Lakuan bahasa dalam FSP	52
7	Lakuan bahasa dalam FLK	53
8	Jumlah Keseluruhan Lakuan Direktif dalam Filem Melayu Terpilih	54
9	Kekerapan Penggunaan Subkategori Asertif	69
10	Subkategori Lakuan Bahasa Ekspresif	88
11	Subkategori Lakuan Bahasa Komisif	103
12	Subkategori Lakuan Deklaratif dalam Filem Melayu Terpilih	113

## BAB 1

### PENGENALAN

#### Pengenalan

Lakuan bahasa merupakan tindakan-tindakan dalam komunikasi. Setiap ayat yang dituturkan mengandungi tindakan, antaranya berjanji, menggesa, menasihati, menegas, melaporkan dan menyimpulkan. Hal ini demikian kerana apabila seseorang melakukan pertuturan sebenarnya dia telah melakukan sesuatu bentuk lakuan (Searle, 1969). Lakuan bahasa sentiasa berlaku dalam komunikasi seharian dalam apa jua medium komunikasi. Lakuan bahasa dipelopori oleh ahli falsafah Austin pada tahun 1962. Lakuan bahasa ini membincangkan perkara yang berkaitan perlakuan pertuturan manusia. Penekanan lakuan ini adalah pada peranan tujuan, keinginan, atau maksud penutur dalam menghasilkan ujaran performatif. Ujaran performatif berlaku apabila penutur melakukan sesuatu dalam ujaran atau pertuturan dan bukan hanya mengujarkan sesuatu, namun pada masa yang sama melakukan perbuatan yang dimaksudkan oleh ujaran itu (Searle, 1969).

Lakuan bahasa membicarakan kata yang maknanya memberikan implikasi bahawa penutur yang menggunakan kata kerja tersebut dalam pertuturannya telah melakukan tingkah laku yang terdiri daripada pelbagai jenis. Kata kerja yang tergolong dalam kategori ini dinamakan kata kerja performatif, contohnya jamin, bertaruh, cadang, janji, lantik, isytihar, mohon, nikahkan, jatuhkan dan sebagainya (Searle, 1969, Huang, 2015). Austin (1962) pula menamakan ayat dalam lakuan bahasa sebagai ayat performatif, manakala Searle (1969) pula menggunakan istilah 'lakuan pertuturan'.

Lakuan bahasa secara universalnya dikelompokkan ke dalam lima kategori, iaitu asertif, direktif, komisif, ekspresif dan deklaratif (Searle, 1969). Lakuan bahasa asertif merupakan jenis lakuan bahasa yang mengikat penutur kepada kebenaran proposisi yang dilahirkan dan oleh itu mempunyai nilai benar (Searle, 1969). Lakuan direktif pula merupakan lakuan bahasa yang menggambarkan usaha oleh penutur untuk membuatkan pesapa melakukan sesuatu, manakala lakuan komisif merupakan jenis lakuan bahasa yang mengikat penutur kepada sesuatu tindakan pada masa akan datang (Searle, 1969, Huang, 2015). Lakuan ekspresif pula merupakan lakuan bahasa yang menunjukkan sikap psikologi penutur dan lakuan deklaratif merupakan lakuan bahasa yang memberikan perubahan segera dalam sesuatu keadaan semasa (Searle, 1969).

Selain pengelasan lima lakuan bahasa, juga mengandungi lakuan bahasa tidak langsung (Searle, 1969 dan Horn & Ward, 2015). Searle (1969) menjelaskan bahawa lakuan bahasa langsung merupakan padanan langsung antara jenis ayat dengan kuasa ilokusi, manakala padanan yang tidak terdapat pada hubungan langsung antara jenis ayat dengan kuasa ilokusi dinamakan lakuan bahasa tidak langsung. Walau bagaimanapun, dalam lakuan bahasa tak langsung tidak wujud

kata kerja performatif, namun demikian dalam keperihalan keadaan tertentu ayat ini boleh menjadi performatif apabila pendengar melakukan sesuatu lakuan seperti melakukan helah dan memutuskan hubungan (Holdcroft, 2014).

Beberapa kajian lakuan bahasa seperti Amir Juhari & Zaitul Azma Zainon Hamzah (2015), Wan Robiah Meor Osman (2015) dan Sophie Payne (2013) telah membuktikan bahawa lakuan bahasa terbukti mempunyai varian bahasa yang tersendiri dalam konteks yang berbeza seperti dalam mesyuarat, sesi kaunseling dan komunikasi antara budaya bagi merealisasikan lakuan bahasa dalam budaya. Penyelidik-penyelidik yang mengkaji lakuan bahasa seperti Hetti Waluati Triana & Idris Aman (2011), Maslida Yusof dan Karim Harun, (2015) dan Abd. Ganing Laengkang (2018) mendapati bahawa lakuan bahasa merupakan nilai sosiobudaya yang bersifat universal dan sejagat, namun berbeza dari satu budaya dengan budaya yang lain. Lakuan bahasa juga dipengaruhi oleh pemboleh ubah sosial seperti kuasa, jarak, gender, budaya, topik dan norma-norma pragmatik.

Kajian-kajian yang dijalankan di Malaysia khususnya dalam bidang lakuan bahasa ini memperlihatkan satu perkembangan yang memberangsangkan. Pelbagai kajian yang dijalankan, antaranya kajian lakuan pujian (Wong Chee Chee, 2013), lakuan direktif (Zanariah Ibrahim, Maslida Yusof dan Karim Harun, 2017), lakuan penolakan (Maya Khemlani David, 2015), komunikasi antara doktor dan pesakit (Cerny, 2017) dan lakuan bahasa dalam khutbah jumaat (Abd. Ganing Laengkang, 2018) menunjukkan bahawa penggunaan lakuan bahasa merangkumi pelbagai bidang dan bersesuaian dengan konteks dan budaya di negara ini. Perkembangan bidang pragmatik ini dilihat sebagai satu lonjakan untuk penyelidik baharu untuk meneruskan legasi ini. Oleh yang demikian, penyelidikan ini bertujuan untuk meneruskan legasi dan memperbanyak kajian mengenai bidang pragmatik khususnya lakuan bahasa dalam filem Melayu.

Filem merupakan medium pengucapan yang diperkenalkan dalam perkembangan sejarah manusia (Baker, 2013). Filem merupakan medium pengucapan era moden, yang mewakili pemikiran, ekspresi dan cita-cita masyarakat yang diselubungi oleh pembikinannya. Baker (2013) mengatakan bahawa filem juga merupakan kesatuan wacana yang melibatkan pelbagai pihak antaranya pengarah, penerbit, penulis skrip dan pelakon. Kesatuan wacana itu dapat dilihat dalam penghasilan manuskrip dialog yang akan digunakan oleh pelakon untuk berkomunikasi semasa berlakon. Kerjasama yang berlaku semasa penghasilan filem merupakan kesatuan wacana yang utuh sama ada dalam penghasilan manuskrip ataupun pembikinan filem itu sendiri.

Sesebuah filem atau drama yang dihasilkan merupakan cerminan budaya dan norma masyarakat sesebuah negara. Jika dilihat filem yang dihasilkan di luar negara banyak menceritakan tentang budaya masyarakat di sana. Monaco (2014) menjelaskan bahawa sesebuah karya filem itu merupakan cerminan sebenar dalam budaya sesebuah masyarakat. Karya filem Melayu yang menggunakan bahasa Melayu dan mempraktikkan budaya masyarakat Melayu akan turut memaparkan

ciri-ciri kemelayuannya kepada khalayak penonton. Salah satu ciri kemelayuan yang mencerminkan budaya Melayu menerusi karya filem adalah berdasarkan aspek lakuan bahasa. Aspek lakuan bahasa dalam sesebuah filem ini merujuk kepada cara dan bentuk bahasa yang digunakan proposisi, kata kerja performatif, lakuan tidak langsung dan lakuan secara langsung. Lakuan bahasa dalam karya filem ini turut meliputi aspek seperti pemilihan leksikal, nada, gerak laku dan juga gaya yang digunakan semasa seseorang watak itu berkomunikasi.

Martin (2017) mengatakan bahawa bahasa yang digunakan dalam filem mementingkan hajat komunikatif, ayat yang digunakan menggambarkan niat sebenar penutur. Hal ini bersesuaian dengan matlamat sesuatu komunikasi, iaitu maklumat yang hendak disampaikan mestilah difahami dan diinterpretasi dengan baik oleh pendengar (Bach & Harnish, 1979). Penggunaan kata kerja performatif dalam ujaran dapat membantu pendengar untuk melakukan seperti yang dihajatkan oleh penutur. Hal ini dapat dilihat dalam filem yang dikaji mempunyai variasi lakuan bahasa dalam menyampaikan hajat komunikasi.

Selain bertindak sebagai wadah menyampaikan maklumat, mengekspresikan pelbagai perasaan, filem juga digunakan untuk mendidik. Birules-Muntane & Soto-Faraco (2016) mengatakan bahawa filem dijadikan sebagai alat untuk mendidik seseorang dalam berbahasa. Dalam kajiannya, beliau mendapati bahawa filem yang digunakan dapat mendidik guru menggunakan lakuan menolak dengan betul menerusi pelbagai kaedah, antaranya menggunakan penolakan secara tidak langsung, secara terus terang dan mengancam muka dan memberi alasan. Berdasarkan kajian ini, jelas menunjukkan bahawa filem tidak hanya berfungsi sebagai wadah menyampaikan maklumat dan hiburan semata-mata, malah boleh digunakan sebagai wadah untuk mendidik seseorang.

Pendidikan yang menggunakan media sebagai medium bantu mengajar dilihat sebagai satu dimensi baharu apabila menjadikan filem sebagai wadah untuk mempelajari pelbagai bahasa, terutamanya bagi membantu pembelajaran dan penguasaan bahasa. Menurut Birules-Muntane dan Soto-Faraco, (2016) dengan menonton filem dan mempelajari leksikal, perkataan, budaya sesuatu bangsa lain dapat diperoleh melalui sari kata (Subtitle) yang disediakan. Selain itu, beliau mendapati bahawa pendidikan secara visual dan audio seperti filem secara tidak langsung dapat meningkatkan kemahiran berbahasa dalam kalangan penutur bukan asli Inggeris. Jelaslah bahawa pendidikan bahasa tidak hanya diperoleh melalui pembelajaran di sekolah semata-mata, namun ilmu dan kemahiran juga dapat diperoleh melalui filem. Oleh yang demikian, penghasilan sesebuah filem itu haruslah dapat mendidik dan memperkembang keintelektualan masyarakat, di samping dapat mempertinggi budaya dan bahasa.

## Penyataan Masalah

Lakuan bahasa dapat diertikan sebagai ujaran yang dilafazkan oleh penutur yang melambangkan sesuatu perbuatan. Setiap lakuan mempunyai makna tertentu yang dihubungkan dengan perlakuan tertentu. Penerapan aspek lakuan bahasa dalam filem dilihat cukup berkepentingan, terutamanya dalam menyampaikan maklumat dan menyampaikan hajat pengarah. Namun begitu, aspek lakuan bahasa dilihat sukar untuk ditentukan penggunaannya terutamanya pengkategorian lakuan bahasa. Hal ini demikian kerana mesej yang hendak disampaikan melalui lakuan bahasa yang ingin ditonjolkan dalam budaya Melayu daripada filem sukar ditentukan penggunaannya kerana kekurangan pemahaman dan kekeliruan terhadap lakuan bahasa. Bertitik tolak daripada itu, timbul masalah untuk memahami dan menentukan lakuan bahasa. Hal ini bertepatan dengan pandangan yang dinyatakan oleh Hetti Waluati Triana & Idris Aman (2011), Maslida Yusof dan Karim Harun, (2015) dan Abd. Ganing Laengkang (2018) mendapati bahawa lakuan bahasa merupakan nilai sosiobudaya yang bersifat universal dan sejagat, namun berbeza dari satu budaya dengan budaya yang lain. Lakuan bahasa juga dipengaruhi oleh pemboleh ubah sosial seperti kuasa, jarak, gender, budaya, topik dan norma-norma pragmatik.

Penggunaan lakuan bahasa yang digunakan dilihat sebagai satu bentuk komunikasi yang berpengaruh. Penerapan lakuan bahasa dalam filem dilihat cukup berkepentingan, terutamanya sebagai menyampaikan maklumat, pendidikan dan pemaparan budaya masyarakat. Namun begitu, kerencaman bahasa dalam filem dilihat begitu sukar untuk dikenal pasti dan dikategorikan mengikut peranannya dalam menyampaikan maklumat dan tujuan komunikasi yang lain. Hal ini demikian kerana mesej yang terkandung dalam lakuan bahasa sukar diperoleh sekiranya pendengar tidak memahami hajat komunikatif penutur. Bertitik tolak daripada itu, timbul masalah untuk memahami hajat komunikatif penutur berdasarkan kerencaman bentuk bahasa yang terdapat dalam filem. Hal ini bertepatan dengan kajian yang dijalankan oleh Zanariah Ibrahim, Maslida Yusof dan Karim Harun (2017) memperlihatkan lakuan bahasa direktif guru pelatih dalam komunikasi di bilik darjah yang dilihat mempunyai 'kuasa' dalam menuntut pendengar melakukan sesuatu. Daripada kajian ini, sesuatu komunikasi tergendala, sekiranya hajat komunikatif penutur tidak difahami oleh pendengar yang menyebabkan penyampaian maklumat, pernyataan dan sebagainya gagal.

Keberkesanan sesuatu komunikasi bergantung pada kejelasan, kefahaman, konteks, kognitif dan struktur ayat yang digunakan. Masyarakat Melayu gemar menggunakan bahasa tersirat dalam ucapannya yang mempunyai pelbagai tujuan. Bahasa tersirat dapat disimpulkan sebagai ungkapan yang berselindung disebalik makna sebenar yang mempunyai unsur negatif dan bersifat ofensif. Penerapan unsur bahasa tersirat dalam lakuan bahasa dilihat cukup penting, terutamanya sebagai agen pemaparan budaya masyarakat. Hal ini demikian kerana lakuan bahasa yang mengandungi unsur bahasa tersirat yang ingin dipaparkan dalam budaya Melayu terutamanya dalam filem ini sukar untuk ditafsir kerana mempunyai makna yang berbeza daripada struktur ayat sebenar. Bertitik tolak



daripada isu tersebut, masalah yang timbul ialah memahami unsur bahasa tersirat dalam lakuan bahasa. Hal ini sejajar dengan kenyataan Mustafa Atan (2010) dan Husin Sarif (2013) bahawa masyarakat Melayu menggunakan pelbagai bentuk bahasa dalam ujaran-ujaran yang bertujuan untuk menyampaikan mesej atau maksud seperti pernyataan yang berlebihan, bahasa sindiran, bahasa kiasan, metafora dan ketidaksesuaian masyarakat konteks. Ujaran-ujaran yang mempunyai makna menunjukkan bahawa penutur mempunyai mesej tertentu untuk disampaikan kepada pendengar. Makna sebenar ujaran tersebut bergantung pada kognitif pendengar. Hakikatnya, maksud sebenar sesuatu ujaran itu tidak semestinya berdasarkan makna perkataan yang digunakan dalam ujaran tersebut semata-mata.

Lakuan bahasa tidak hanya bergantung pada ayat, kata kerja performatif, pemilihan dan kejelasan leksikal, tetapi keberkesanan lakuan bahasa juga bergantung pada pemilihan ayat yang pendek, ringkas dan mudah difahami. Ayat yang pendek dan ringkas dalam lakuan bahasa lebih mudah untuk difahami makna sebenar hajat komunikatif penutur kerana ayat yang pendek akan membuatkan sesuatu perkara relevan kepada pendengar. Penerapan dan penggunaan ayat yang mudah difahami dilihat amat berkepentingan terutamanya dalam menyampaikan sesuatu maklumat. Namun begitu, kebanyakan dialog dalam filem menggunakan ayat yang panjang, kompleks dan meleret sehingga menyebabkan pendengar hilang tumpuan dan fokus terhadap maklumat yang hendak disampaikan. Oleh hal yang demikian, timbul masalah untuk memahami maklumat dan hajat komunikatif yang disampaikan. Hal ini sejajar dengan kenyataan Olga Dontcheva-Navratilova (2015), Cerny (2017) mengatakan bahawa pemilihan leksikal, ayat pendek dan ringkas dalam sesuatu lakuan bahasa lebih cenderung menjadi lebih jelas dan lebih mudah difahami berbanding dengan ayat yang panjang dan kompleks. Ayat yang pendek dan ringkas dalam lakuan bahasa lebih mudah untuk difahami makna sebenar hajat komunikatif penutur. Penggunaan bahasa yang betul dan jelas adalah penting dalam filem agar plot yang berkembang dapat disampaikan dan difahami. Justeru itu, lakuan bahasa yang menggunakan ayat yang pendek dan ringkas dalam menyampaikan hajat komunikatif lebih mudah difahami dan memberi kesan kepada pendengar, berbanding dengan ayat yang panjang dan kompleks.

Bahasa dilihat bukan hanya berfungsi sebagai medium komunikasi, namun bahasa juga berfungsi sebagai medium untuk mengubah pandangan, kepercayaan, dan keyakinan seseorang. Hal ini bertepatan dengan kenyataan Sahar Altikriti (2016) mendapati bahawa pemujukan merupakan bahagian penting dalam masyarakat di mana komunikator cuba menyakinkan orang lain untuk mengubah kepercayaan dan tingkah laku mereka dalam mempertimbangkan isu-isu semasa, politik melalui mesej. Perkara ini memperlihatkan penggunaan lakuan bahasa yang digunakan untuk memujuk audien melalui ucapan seseorang. Penggunaan lakuan bahasa yang diujarkan dapat menyakinkan dan mengubah persepsi audien melalui lakuan bahasa. Bertitik tolak daripada isu tersebut, permasalahan yang timbul ialah sesuatu isu atau permasalahan yang berlaku dalam filem Melayu terpilih tidak dapat disampaikan kepada pendengar, sekiranya pendengar gagal menginterpretasi mesej atau isu yang hendak disampaikan. Penyampaian mesej melalui lakuan bahasa

dapat dicapai, sekiranya penutur dapat menyampaikan dan pendengar menerima mesej dengan baik.

Filem berfungsi sebagai wadah untuk pembelajaran di samping memperlihatkan keberkesanan filem sebagai alat bantu mengajar. Di samping fungsinya sebagai penyampaian ideologi dan alat bantu mengajar, filem juga digunakan sebagai bahan penyelidikan seperti yang dijalankan oleh Maya Khemlani David (2015), Mustafa Atan (2010) dan Husin Sarif (2013). Isu yang sering timbul dalam bidang perfileman ialah penggunaan bahasa yang digunakan dalam menyampaikan idea, permasalahan masyarakat dan pemikiran. Berdasarkan isu yang timbul ini, sesuatu idea yang hendak disampaikan menerusi penggunaan dialog antara penutur dengan pendengar tidak akan berjaya sekiranya pendengar tidak dapat memahami idea, pemikiran dan permasalahan yang disampaikan. Hal ini sejajar dengan kenyataan Maya Khemlani David (2015) mendapati bahawa lakuan bahasa yang digunakan dalam filem mempunyai pelbagai varian dan keberkesanan sesuatu komunikasi bergantung pada penggunaan bahasa. Atas dasar itu, pengkaji melihat perlunya kajian dilakukan bagi melihat kepentingan dan keupayaan lakuan bahasa sebagai satu bentuk komunikasi dalam proses menyampaikan pelbagai permasalahan dalam filem. Kajian berkaitan lakuan bahasa dalam filem ini bukan hanya tertumpu kepada lakuan bahasa, namun kajian ini juga melihat pengaliran akal budi berdasarkan lakuan bahasa.

### **Objektif Kajian**

Dalam penyelidikan ini, terdapat tiga objektif yang penting, iaitu;

1. Mengenal pasti lakuan bahasa yang terdapat dalam filem Melayu terpilih
2. Menganalisis lakuan bahasa dalam filem Melayu terpilih menggunakan Teori Lakuan Bahasa Searle (1969).
3. Merumus akal budi Melayu yang terpancar melalui penggunaan lakuan bahasa yang terdapat dalam filem Melayu terpilih.

### **Persoalan Kajian**

Dalam penyelidikan ini akan menjurus untuk menjawab tiga persoalan kajian yang penting, iaitu;

1. Apakah bentuk lakuan bahasa yang terdapat dalam filem Melayu terpilih?
2. Bagaimanakah lakuan bahasa dalam filem Melayu terpilih dianalisis?
3. Apakah akal budi yang terpancar dalam filem Melayu terpilih menerusi penggunaan lakuan bahasa?

### **Kepentingan Kajian**

Hasil daripada penelitian, kajian ini mempunyai kepentingan dari sudut bahasa, lakuan bahasa dan komunikasi. Penggunaan bahasa yang mudah difahami, ringkas dan tidak kompleks akan memudahkan pendengar memahami hajat komunikatif penutur melalui lakuan bahasa. Selain itu, penggunaan bahasa yang tepat dalam lakuan bahasa juga membolehkan pendengar menginterpretasi hajat komunikatif penutur. Ayat tanya, ayat perintah, ayat berita dan sapaan memberikan implikasi yang berbeza, sekiranya digunakan pada konteks yang berbeza. Penggunaan bahasa dalam lakuan bahasa dilihat amat penting dalam membantu pendengar menginterpretasi dan memperoleh maklumat atau perkara lain untuk dirinya dan melancarkan komunikasi. Penggunaan bahasa dan lakuan bahasa yang betul dan tepat akan memudahkan sesuatu komunikasi dan mewujudkan hubungan yang harmoni.

Kajian mengenai lakuan bahasa dalam filem Melayu adalah perlu kerana sehingga kini belum ada kajian yang mendalam untuk menganalisis lakuan bahasa. Jika adapun kajian yang menggunakan filem Melayu lebih menjurus kepada bentuk bahasa, iaitu sama ada kiasan, implikatur, bahasa feminisme atau kesantunan. Kajian lakuan bahasa juga banyak memfokuskan kajian berkaitan khutbah, budaya dan penolakan. Kajian yang dilakukan ini membolehkan pengguna bahasa umumnya dan pengkaji bahasa khususnya memperoleh pendedahan mengenai lakuan bahasa dalam filem Melayu. Pendedahan mengenai lakuan ini juga boleh digunakan oleh pengkaji lain untuk melihat kepada aspek lakuan yang terdapat dalam filem seterusnya dapat menghasilkan kajian lain yang berkaitan. Penggunaan lakuan bahasa yang betul dan tepat dalam filem akan menjadikan komunikasi dan hajat komunikatif dapat disampaikan dan berkesan. Antara lakuan bahasa ialah menyatakan cadangan, niat, penghargaan dan pertengkaran atau perkelahian. Setiap pengkategorian tersebut mempunyai makna dan kesan yang besar seperti memberi arahan, menjalankan pelbagai aktiviti, pelantikan, menjalankan tindakan dan sebagainya.

Dapatan kajian dapat memberikan pendedahan kepada pengguna bahasa mengenai lakuan bahasa untuk membantu mereka memahami mesej yang hendak disampaikan. Telah sedia maklum bahawa pragmatik ialah kajian makna berdasarkan konteks dengan mengambil kira penutur dan pendengar. Kajian pragmatik kebelakangan ini banyak digunakan dalam pemerian makna ujaran bagi sesuatu bahasa termasuk bahasa Melayu. Kajian yang dilakukan tidak hanya terhad kepada penggunaan bahasa dalam lapangan, sebaliknya melibatkan wacana dalam penghasilan karya seperti filem. Kajian ini dianggap penting kerana selain berpengetahuan dalam berkomunikasi, melalui lakuan bahasa Searle (1969), penonton yang menonton sesebuah filem akan dapat mengetahui cara dan jenis lakuan bagi setiap komunikasi yang berlangsung, dengan meneliti setiap aspek yang ada pada pemerian melalui pemerian terhadap makna abstrak, makna penutur, dan interpretasi ujaran. Apabila pengetahuan ini dapat dikuasai dan difahami, tidak mustahil akan lebih memudahkan penonton untuk menjiwai keseluruhan struktur sesebuah filem sama ada dari segi plot penceritaan, bahasa, latar dan perwatakannya.

Selanjutnya, kajian ini turut penting dalam menuju ke arah mempelbagaikan kajian terutamanya dalam lakuan bahasa, di samping menyerlahkan hasil-hasil karya masyarakat Malaysia. Hal ini bersangkut paut kerana kajian antara watak dalam filem mencerminkan lakuan bahasa masyarakat Melayu. Dengan adanya kajian sebegini, perkara ini bukan sekadar dapat merungkaikan segala permasalahan mengenai pelbagai aspek seperti aspek makna, aspek bahasa, bahkan dapat menonjolkan aspek pemikiran dan persoalan yang ada dalam masyarakat Melayu.

### **Batasan Kajian**

Bersesuaian dengan fokus penyelidikan, iaitu lakuan pertuturan, penyelidikan ini hanya memfokuskan terhadap lakuan pertuturan berdasarkan pendekatan pragmatik. Bahan penyelidikan adalah sampel ujaran-ujaran watak dalam filem. Pemilihan bahasa berbentuk ujaran amat sesuai dengan disiplin pragmatik, iaitu mengkaji makna ujaran dari sudut penggunaan bahasa. Penyelidik telah memilih empat buah filem, iaitu 'Semerah Padi', 'Seri Mersing', 'Hang Jebat' dan 'Lancang Kuning'. Oleh sebab filem mengandungi banyak ujaran antara watak, maka tidak semua ujaran yang terdapat dalam filem akan dijadikan sebagai dapatan atau data penyelidikan. Penyelidik hanya memilih dan menganalisis lakuan pertuturan yang diujarkan oleh watak masyarakat Melayu yang terdapat dalam filem Melayu menggunakan pendekatan pragmatik. Ujaran tersebut akan dianalisis secara terperinci menggunakan taksonomi Searle (1969).

Penyelidik memperoleh data berdasarkan tontonan dan kemudiannya membuat transkrip berdasarkan dialog yang diujarkan dalam filem. Setelah transkrip siap dikarang, data tersebut kemudiannya diklasifikasikan berdasarkan objektif kajian. Data tersebut akan dikeluarkan dan dibuat transkrip untuk memudahkan lagi kerja menganalisis dan kemudiannya dianalisis menggunakan analisis teks. Teori yang digunakan dalam penyelidikan ini menggunakan Teori Lakuan Bahasa Searle (1969). Data diperoleh daripada keempat-empat buah filem Melayu terpilih. Data yang diperlukan dalam pemerolehan data adalah melibatkan kerja-kerja, antaranya tontonan keseluruhan filem, mentranskripsi dialog, mengenal pasti lakuan, dan mengkategorikan lakuan. Data diperoleh berdasarkan tontonan dan kemudiannya membuat transkrip berdasarkan dialog yang diujarkan dalam filem. Setelah transkrip siap diperoleh, data tersebut kemudiannya diklasifikasikan berdasarkan objektif kajian.

Aspek yang menjadi fokus dalam penyelidikan ini ialah lakuan bahasa dalam filem Melayu terpilih. Dalam penyelidikan ini, lakuan bahasa hanya memfokuskan ujaran yang melibatkan komunikasi resiprokal yang membentuk pemahaman antara peserta komunikasi, manakala bentuk bahasa yang menjadi fokus dalam penyelidikan ini ialah bentuk bahasa berdasarkan lakuan bahasa Searle (1969), iaitu bentuk bahasa secara langsung dan bentuk bahasa secara tidak langsung. Aspek ini juga melihat kepada ujaran kiasan dan implisit. Dengan kata yang lebih mudah, bentuk bahasa yang menjadi fokus ialah bentuk bahasa kiasan, implikatur dan

eksplikatur. Dalam menganalisis data, penyelidik akan menganalisis dapatan berdasarkan lakuan bahasa Searle (1969).

### **Definisi Operasional**

Dalam konteks kajian ini, terdapat beberapa konsep asas yang difikirkan perlu diuraikan untuk memberikan kefahaman yang jelas selari dengan kehendak disiplin dan bidang kajian agar terkawal dan tidak menyimpang daripada objektif yang telah digariskan. Penjelasan istilah-istilah yang kerap digunakan dalam penyelidikan ini adalah penting untuk pemahaman dan rujukan pada masa akan datang. Hal ini demikian kerana beberapa istilah penting seperti lakuan bahasa dan filem mempunyai pelbagai definisi.

### **Lakuan Bahasa**

Searle (1969) mendefinisikan lakuan bahasa sebagai sesuatu perkataan atau ungkapan yang dilafazkan oleh penutur yang melambangkan sesuatu perbuatan sama ada mencadang, melulus, menyatakan niat, berkelahi, bersetuju dan perbuatan-perbuatan lain. Lakuan bahasa yang dihasilkan ini mempunyai lima kategori yang utama, iaitu asertif, direktif, komisif, ekspresif dan deklaratif. Lakuan asertif merupakan lakuan bahasa yang mengikat penutur kepada kebenaran proposisi. Lakuan direktif pula merupakan lakuan yang menggambarkan usaha penutur untuk membuat pendengar melakukan sesuatu. Lakuan komisif merupakan lakuan yang menuntut penutur kepada sesuatu tindakan pada masa hadapan, manakala lakuan ekspresif pula merupakan lakuan yang menggambarkan emosi penutur. Deklaratif pula merupakan lakuan yang memberikan perubahan segera dalam sesuatu keadaan.

